

# BUAH BUTON PADA RUMAH RAMLAH DI LUAK TANAH MENGANDUNG, NEGERI SEMBILAN: LAMBANG KESOPANAN DALAM MENYANTUNI TETAMU BERDASARKAN SISTEM KEPIMPINAN ADAT PERPATIH

Fakhrur Razi MAAMOR\*<sup>1</sup>

Sabzali MUSA KAHN<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

fakhrurrazi991@gmail.com

sabzali@um.edu.my

*Received: 18<sup>th</sup> April 2023*

*Accepted: 10<sup>th</sup> August 2023*

## ABSTRAK

Konsep meraikan tetamu sudah menjadi simbolik dalam kalangan pemimpin dunia ketika yang menjadi tuan rumah dan buah buton merupakan elemen yang tidak terkecuali dari konsep tersebut. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis hubung kait buah buton dalam menyantuni tetamu berdasarkan sistem Adat Perpatih yang berkaitan dengan konteks kepimpinan. Dua kaedah digunapakai bagi mencapai objektif kajian. Pertama, kajian lapangan yang mensasarkan rumah Ramlah di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan sebagai sampel penyelidikan utama. Kaedah kedua, melibatkan temu bual tiga informan masing-masing dalam kategori penduduk tempatan, penyelidik Adat Perpatih dan pengamal adat Minangkabau. Hasil kajian menunjukkan bahawa buah buton mempunyai kaitan dengan meraikan tetamu. Kedudukan buah buton yang tergantung di bahagian tangga rumah menjadi simbolik terhadap perwatakan seorang pemimpin dalam melayani tetamu mereka dengan penuh adab dan sopan. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar buah buton dapat dijadikan sebagai elemen dekorasi yang berilmiah dalam sistem pendidikan negara agar generasi muda menghargai seni warisan Adat Perpatih.

**Kata Kunci:** adat; Adat Perpatih; seni; tetamu; ukiran tiga-dimensi

## THE BUAH BUTON AT RUMAH RAMLAH IN LUAK TANAH MENGANDUNG, NEGERI SEMBILAN: A SYMBOL OF HOSPITALITY IN ACCOMMODATING GUESTS BASED ON THE ADAT PERPATIH LEADERSHIP SYSTEM

### ABSTRACT

The concept of celebrating guests has become symbolic among world leaders when they host, and buah buton is an element that is not excluded from the concept. The purpose of this article is to analyze the relationship between buah buton and the context of hospitality in the Adat Perpatih system, which is related to the context of leadership. Two methods are used to achieve the objective of this article: firstly, a field study that targets Ramlah's house in Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan as the main research sample. Meanwhile, the interview method involves three informants consisting of local community members, Adat Perpatih researchers, and practitioners of Minangkabau customs. Based on both of these methods, it shows that the buah buton is also related to celebrating guests. The position of the buah buton hanging in the rumah tangga is symbolic of a leader's character in serving their guests with manners and courtesy. Therefore, this article suggests that the buah buton can be used as an educational decoration in the national education system for the future of the younger generation.

**Keywords:** customary; Adat Perpatih; art; guest; three-dimensional carving

### Pengenalan

Para pemimpin dunia diraikan oleh tuan rumah negara yang mereka hadiri sebagai tanda penghormatan dan keakraban dalam menjalinkan kerjasama. Ini dapat dilihat menerusi Persidangan *Group of Twenty* (G20) di Bali, Indonesia pada tahun 2022 yang menghimpunkan beberapa pemimpin dunia seperti presiden United States of America, presiden Republic of China, Perdana Menteri Kanada dan ramai lagi. Mereka dihidangkan dengan kebudayaan seperti tarian dan makanan tradisional yang menggambarkan identiti negara Indonesia. Konteks kebudayaan itu sendiri dijadikan sebagai perlambangan terhadap penampilan negara tuan rumah. Boleh dikatakan “pakaian” yang cantik dan menawan mampu memikat sesiapa sahaja yang memandangnya. Malah, boleh mewujudkan sebuah perspektif yang positif dalam kalangan pemerhati dan seterusnya menyerlahkan perwatakan kita yang baik pekerti (Hesmondalgh & Saha, 2013; & Spurgas, 2005). Begitulah gambaran tuan rumah dalam memperlihatkan identiti yang menyenangkan semua pihak. Kita menerima kedatangan tetamu secara terbuka dan tidak menolak kunjungan mereka ke rumah kita. Inilah yang menggambarkan sikap sopan santun dalam meraikan tetamu dan ianya sangat dituntut Islam yang memberi penekanan untuk meraikan tetamu. Dinyatakan dalam Surah al-Dzariyat ayat 24 hingga 27 yang bermaksud;

*“Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) perihal tetamu Nabi Ibrahim yang dimuliakan? Ketika mereka masuk mendapatkannya lalu memberi salam dengan berkata: "Salam sejahtera kepadamu!" Ia menjawab: Salam sejahtera kepada kamu! "(Sambil berkata dalam hati): mereka ini orang-orang yang tidak dikenal. Kemudian ia masuk mendapatkan ahli rumahnya serta dibawanya keluar seekor anak lembu gemuk (yang dipanggang). Lalu dihidangkannya kepada mereka sambil berkata: "Silalah makan".*

(Surah al-Dzariyat; ayat 24 – 27)

Berdasarkan ayat di atas, meraikan tetamu adalah perkara yang dituntut dalam Islam. Melayan tetamu dengan penuh mesra tanpa menidakkan kehadiran mereka ke rumah adalah satu perbuatan yang turut diajar dalam Adat Perpatih. Islam menerusi Adat Papatih memberi kesan terhadap aspek kehidupan pengamalannya; terutama golongan pemimpin adat. Malah, sikap ini juga mengajar pemimpin adat turut menghormati anak-anak buah yang hadir ke rumahnya. Ini kerana rumah tradisional di Negeri Sembilan telah menyediakan bahagian bagi meraikan tetamu iaitu di bahagian tengah serambi (Siti Fatimah Tuzzahrah Abdul Latif & Kamarul Afizi Kosman, 2020; & Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif & Kamarul Afizi Kosman, 2017). Walau bagaimanapun, ruang serambi merupakan tempat yang sangat sinonim sebagai ruang bermusyawarah atau muafakat bagi membuat sesuatu keputusan. Layanan seorang pemimpin adat dengan anak-anak buah bukan sekadar penghormatan yang menyentuh soal kepimpinan. Sebaliknya, sebagai penghormatan yang memerlukan antara satu sama lain (Fakhrur Razi Maamor et al., 2022, Ainul Wahida Radzuan, 2021 & Muhammad Fadzeli Jaafar et al., 2017). Ini bermaksud kedua-dua pihak saling berkait dalam aliran sistem Adat Perpatih. Seandainya tiada pemimpin, maka perjalanan adat itu tidak akan mencapai titik noktahnya dalam kalangan anak-anak buah. Begitu juga dengan pemimpin adat yang memerlukan anak-anak buah yang telah mengangkat mereka bagi memegang posisi penting dalam adat seperti ketua adat. Inilah yang disebut sistem demokrasi kerakyatan yang melambangkan kesatuan dalam kesepakatan antara kedua belah pihak tanpa mengetepikan mana-mana individu (Mualimin Mochammad Sahid et al., 2021, Mohd Rosli Saludin et al., 2020 & Norhalim Ibrahim, 1988). Oleh itu, kepentingan serambi bukan sekadar ruang bagi tujuan berkumpul bersama dengan yang lain. Tetapi, menegakkan kepentingan sistem Adat Perpatih yang menjadikan al-Quran sebagai rujukan utama pengamalannya. Disebutkan dalam teromba adat “adat bersendikan hukum, hukum bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah” (Badrul Hisham Ghazali, 2022, Rachman & Rahman, 2017 & Hendun Abd Rahman Shah et al., 2017). Malah, rujukan ini turut melibatkan satu unsur yang kebiasaannya terdapat pada rumah-rumah pemimpin adat dan bangsawan yang bertindak sebagai peringatan. Unsur tersebut adalah buah buton.

**Gambar 1: Salah satu reka bentuk buah buton yang terdapat di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan**



Menurut kajian Fakhrur Razi Maamor (2020), buah buton merupakan perlambangan terhadap pemimpin adat dan bangsawan. Perlambangan tersebut bukan sekadar ornamen yang menghiasi ruang-ruang pada rumah tradisional di Negeri Sembilan semata-mata. Bahkan, membawa pengertian yang mempunyai falsafah di sebaliknya. Antaranya sifat dan perwatakan individu dalam adat yang bersifat positif dan membawa kebaikan kepada masyarakat sekeliling. Oleh kerana itu istilah peringatan adalah memastikan pemilik kepada buah buton tidak lari dari landasan yang betul. Walaupun buah buton berukiran kayu tiga dimensi pada bahagian bawah tiang yang tergantung, itu tidak bermaksud ukirannya beradaptasi daripada sifat flora semata-mata. Malah, alam telah dijadikan sebagai rujukan dalam pembuatan dan tujuan di sebalik olahan buah buton ini (Fakhrur Razi Maamor, 2022, Juliana Adlin Ahmad et al., 2022 & Shamsidar Ahmad et al., 2014). Seperti disebut dalam teromba di bawah;

*Penakik pisau seraut  
Ambil galah batang lintabung  
Seludang dijadikan niru  
Setitik dijadikan laut  
Segumpal dijadikan gunung  
Alam terkembang dijadikan guru*

Permaknaan pada setiap baris teromba di atas merupakan menyatakan tentang luasnya ilmu yang perlu dicapai dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Kerana itu juga teromba dicipta berdasarkan unsur-unsur alam yang dijadikan metafora kehidupan masyarakat Adat Perpatih (Mohamad Luthfi Abdul Rahman & Muhammad Fakhri Jafrey, 2021). Kebanyakannya menerangkan sifat-sifat yang membawa maksud positif dan pengajaran kepada pengamal adat ini. Sebagai contoh “bagai resmi padi, makin berisi ia tunduk”. Maksudnya, walaupun seseorang itu sudah mempunyai kedudukan yang tertinggi dalam adat atau dari golongan bangsawan, tidak bermaksud mereka perlu mendabik dada dan bangga dengan kedudukan yang diperolehi. Sebaliknya mereka perlu memanfaatkan kedudukan yang ada dengan memberi kebaikan kepada masyarakat. Sebagai contoh berkongsi ilmu atau rezeki. Inilah yang dimaksudkan dengan sifat prihatin pemimpin atau bangsawan yang peduli akan hal sekeliling.

Reka bentuk rumah dengan kehadiran buah buton yang tergantung pada seni bina tradisi menggambarkan tuan rumah mementingkan layanan kepada tetamu (Fakhrur Razi Maamor & Basitah Taif, 2019). Secara tidak langsung, tetamu maklum bahawa tuan rumah adalah individu penting dalam adat yang tergambar menerusi kedudukan buah buton. Kedudukan buah buton adalah secara tergantung di dalam atau luar rumah tradisional. Malah, terdapat juga buah buton yang kedudukannya agak terselindung dari pandangan mata tetamu yang hadir. Menurut Fakhrur Razi Maamor (2020), kedudukan buah buton yang terdapat di luar tersebut merujuk kepada pemilik rumah tersebut. Malah, terdapat juga buah buton yang sengaja diaplikasikan pada bahagian luar rumah dengan maksud memaklumkan bahawa penghuninya seseorang yang mempunyai kedudukan dalam adat. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis hubungan buah buton dengan konteks melayani tetamu berdasarkan sistem kepimpinan Adat Perpatih. Pengalaman hidup, sikap dan tahap sosial pengamal adat di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan tergambar menerusi konteks alam sebagai rujukannya.

## Sorotan Kajian

### Konteks Alam dalam Mempengaruhi Kehidupan Masyarakat Adat Perpatih di Luak Tanah Mengandung

Masyarakat Adat Perpatih terselah dengan keunikan mereka yang menjadikan alam sebagai rujukan hidup. Kesenian merupakan antara konteks yang sangat rapat dengan masyarakat Adat Perpatih yang mana seni binanya dipengaruhi oleh adat ini (Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif & Kamarul Afizi Kosman, 2017). Sebagai contoh kedudukan Datuk Penghulu dalam rumah tradisi ini adalah berada di hujung serambi. Ruang tengah serambi pula dikhususkan untuk menyambut tetamu. Selain itu tetamu yang hadir juga ditempatkan dalam ruang yang berdekatan dengan tangga bagi memudahkan pergerakan. Ini menunjukkan sifat adab yang melambangkan perwatakan yang baik dan positif masyarakat adat di Luak Tanah Mengandung.

Merujuk kepada konteks visual, kedudukan tengah serambi berdekatan atau bersebelahan dengan anak tangga. Menurut Abdul Halim Nasir (2016), bahagian anak tangga ini kebiasaannya mempunyai ukiran motif ayam berlaga. Secara estetikanya, motif tersebut memperlihatkan gambaran dua ekor ayam jantan yang beradu kekuatan dan tenaga. Secara realitinya, sudah menjadi sifat ayam jantan apabila saling bertemu pasti akan berlaga dalam memikat ayam betina bagi tujuan proses mengawan. Pengukir telah berimajinasi dengan melihat sifat alam tersebut dalam mengetengahkan mesej bahawa perbuatan berlaga yang disifatkan sebagai berbalah atau bermasam muka yang merupakan antara perwatakan negatif manusia adalah satu sifat yang tidak baik dan tidak patut dijadikan ikutan. Oleh kerana itu, kedudukan motif tersebut berada pada bahagian anak tangga yang menjadi tempat untuk dipijak oleh mereka yang naik ke atas rumah. Perkara ini bermaksud segala perbuatan yang melibatkan ketidakfahaman atau berbeza pendapat yang membawa kepada permusuhan perlu ditinggalkan. Begitu juga apabila menerima tetamu, bukanlah menerima dengan hati berdendam, tetapi menerima mereka dengan hati yang terbuka bagi tujuan menjalinkan ukhawah. Seperti halnya dengan pangkal serambi yang menempatkan pemimpin-pemimpin adat dan anak-anak buah berkumpul untuk bermusyawarah untuk hal-hal tertentu yang berkaitan dengan adat atau kekeluargaan. Perbincangan tidak bersandarkan untuk kepentingan diri sendiri, malah untuk kepentingan bersama bagi mencapai kesepakatan. Ini menunjukkan bahawa sifat alam membawa mesej dalam kehidupan masyarakat Adat Perpatih bagi mewujudkan keharmonian dalam keluarga dan masyarakat.

Adat Perpatih dibina oleh masyarakat Minangkabau dari tanah Sumatera ke Negeri Sembilan. Mereka menjadikan alam sebagai rujukan atau "guru" dalam menjalankan proses kehidupan seharian sehingga terlaksananya sistem adat yang berpaksikan nasab ibu atau matrilineal. Ali Akbar Navis (1984) telah menyebut dalam bukunya, "Alam Berkembang Jadi Guru: Adat dan Kebudayaan Minangkabau" yang menjelaskan bahawa kehidupan masyarakat Minangkabau ini adalah berpandukan kepada alam. Berikut merupakan petikan dari beliau:

*"Alam bagi mereka ialah segala-galanya, bukan hanya sebagai tempat lahir dan tempat mati, tempat hidup dan berkembang, melainkan juga mempunyai makna filosofis, seperti yang diungkapkan dalam mamangannya: Alam takambang jadi guru (Alam berkembang jadi guru)."*

Petikan di atas merujuk kepada masyarakat Minangkabau yang menjadikan alam sebagai guru dalam melestarikan sebuah kehidupan. Alam semulajadi merupakan unsur yang sangat dekat dengan diri manusia. Mata manusia tidak akan lari dari pemandangan alam seperti flora mahupun fauna yang sudah pasti sebagai peneman dalam kehidupan manusia. Berdasarkan pengamatan terhadap falsafah alam, sifat dan

perwatakannya diadaptasi oleh masyarakat Minangkabau ini dalam bentuk komunikasi mahupun kesenian. Seperti dinyatakan oleh Ali Akbar Navis (1984):

*“Oleh kerana itu, ajaran dan pandangan hidup mereka yang dinukilkan dalam pepatah, petitih, pituah, mamangan, serta lain-lainnya mengambil ungkapan dari bentuk, sifat dan kehidupan alam.”*

Menurut Mohd Rosli Saludin (2004), komunikasi dalam Adat Perpatih merupakan peraturan dalam kehidupan seharian masyarakatnya. Tambahnya lagi, sesebuah kehidupan yang tidak mempunyai aturan dalam jiwa masyarakat Adat Perpatih dinamakan “tak beradat”. Teromba, sebuah medium komunikasi masyarakat adat tersebut berasaskan pemikiran dengan mengambil kira keadaan persekitaran mereka sebagai rujukan dalam pelaksanaan aturan dalam kehidupan seharian. Berkongsi pandangan yang sama dengan Ali Akbar Navis (1984), Mohd Rosli Saludin (2004) menjelaskan bahawa alat komunikasi merupakan adaptasi terhadap nilai-nilai dalam kehidupan, cara berfikir, norma-norma dalam pergaulan, falsafah hidup dan hukum-hukum yang harus dipatuhi oleh masyarakat Adat Perpatih. Turut menggunakan konteks alam sebagai metafora terhadap kehidupan masyarakat ini secara imaginasi. Sebagai contoh penggunaan subjek alam dalam teromba yang berbunyi:

*Gagak hitam, gagak Senoi  
Turun dari bukit, berkaki empat  
Bangau putih  
Datang dari laut, berkepak bersayap.*

Ungkapan teromba di atas merujuk kepada pertemuan dua masyarakat dari dua kawasan yang berbeza. “Gagak hitam” dan “gagak Senoi” disimbolkan sebagai masyarakat asal atau orang asli Senoi di Negeri Sembilan. Manakala “bangau putih” merupakan simbolik kepada perantau Minangkabau yang merantau ke Negeri Sembilan bersama-sama dengan fahaman budaya mereka yang dibawa dari tanah Minangkabau.

Sementara itu, setiap pengolahan idea oleh si tukang terhadap reka bentuk sesebuah kesenian itu adalah bersebab. Menurut Ali Akbar Navis (1984), setiap unsur yang dihasilkan mewujudkan sebuah keharmonian yang dinamik bersesuaian dengan dialektika alam seperti dinyatakan oleh masyarakat Minangkabau, iaitu *bakarano bakajadian* (bersebab dan berakibat). Begitupun penghasilan buah buton di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan. Selain menjadikan alam sebagai *subject matter*, pembuatannya turut bersandarkan pada Adat Perpatih (Abdul Halim Nasir, 2016). Perkara ini menunjukkan bahawa alam terkembang jadi guru merupakan konteks yang amat rapat dengan buah buton (Abdul Halim Nasir, 2016; Mohd Rosli Saludin, 2004; dan Ali Akbar Navis, 1984).

Oleh yang demikian, bagi memperlihatkan hubungkait buah buton di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan, teori-teori yang diketengahkan oleh Ali Akbar Navis (1984), iaitu manusia dan individu; harga diri; malu yang tidak dapat dibagi; pola awak sama awak; rasa dan periksa; kesamaan dan kebersamaan; seiya sekata; pola penyesuaian yang serasi; hidup bertahan dan mempertahankan hidup digunakan dalam kajian ini. Setiap teori yang dikemukakan akan dikaitkan dengan masyarakat Adat Perpatih di Luak Tanah Mengandung.

## **Pengalaman Hidup Masyarakat Adat Perpatih Dirasai Bersama**

Setiap perasaan yang dialami oleh individu-individu melibatkan jiwa dan mental. yang dapat menguasai keseluruhan diri dan fizikal. Ibarat seperti terlebih garam ditabur pada lauk, maka keseluruhan lauk akan menjadi masin. Begitu juga dengan air yang terlebih gula, maka air tersebut akan menjadi terlampau manis. Sama halnya dengan kehidupan dalam bermasyarakat, terutamanya masyarakat Adat Perpatih.

“Rasa” merupakan sebuah konteks yang melibatkan sentimental masyarakat Adat Perpatih. Menurut Ali Akbar Navis (1984), “rasa” merupakan intipati terhadap perasaan yang melibatkan rasa sakit dan rasa senang. Penjiwaan ini merupakan asam garam dalam kekerabatan Adat Perpatih yang turut dirasai ahli yang lain. Apabila seseorang itu berada dalam kemiskinan, kesusahan tersebut akan dirasai ahli yang lain. Perkara ini bukan bermakna ahli yang lain perlu bersama-sama menjadi miskin seperti individu tersebut. Sebaliknya, mereka merasa simpati dengan kesusahan individu tersebut dan dalam masa yang sama menghulurkan bantuan kepadanya. Perkara ini merupakan empati iaitu menyelami dan memahami perasaan ahli lain dalam adat tradisi tersebut. Diibaratkan sebuah ungkapan iaitu hukum cubit jagat, sakit bagi kita sakit bagi orang yang membawa maksud orang lain sakit, kita juga bersama merasa kesakitan tersebut. Jangan ditambah bebannya dengan cara seperti menyakiti jiwa atau badan. Begitulah konsep “kebersamaan” yang disemaikan dalam diri setiap kekerabatan Adat Perpatih.

Sama halnya dengan rasa senang yang dikaitkan dengan ungkapan “enak bagi kita, suka bagi orang”. Dalam hal ini, terdapat dua perkara yang boleh diungkapkan. Pertama, rasa senang dengan sikap berkongsi dengan orang lain. Seperti masyarakat Adat Perpatih, membantu orang lain merupakan suatu tanggungjawab yang amat dititik beratkan. Ali Akbar Navis (1984) menyatakan tentang kemuliaan individu tersebut merupakan ajaran positif yang dicurahkan oleh kekerabatan terhadap dirinya. Dalam masa sama, sifat tersebut juga menjaga nama baik ahli keluarga yang lain. Selain itu, kesenangan melihat kejayaan orang lain merupakan rasa senang yang kedua. Perkara ini, kita sebagai ahli kekerabatan yang lain merasa bebanan menjadi ringan apabila dapat melihat ahli keluarga kita memperolehi kejayaan. Kesenangan tersebut sekali gus memberi impak terhadap diri kita juga yang turut bersama membantunya untuk terus maju (Nur Atiqah Abdullah et al., 2010). Oleh kerana itu, setiap kesenangan yang kita lakukan hendaknya disukai orang lain, tetapi janganlah sampai mengganggu orang lain.

## **Kehidupan Sosial Masyarakat Adat Perpatih**

Masyarakat Adat Perpatih di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan secara umumnya hidup secara berkelompok. Perkelompokan tersebut bermula dari rumah yang mempunyai pengaruh Adat Perpatih terhadap seni binanya (Mohamad Hanif Abdul Wahab & Azizi Bahauddin, 2019; Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif & Kamarul Afizi Kosman, 2017; Noor Hayati Ismail et al., 2016; Raja Nafida Raja Shahminan, 1999; Yaakub Idrus, 1996). Malah, pembahagian ruang pada rumah tradisional turut dipengaruhi oleh adat tersebut. Pembahagian ruang serambi, sebagai contoh, terbahagi kepada tiga bahagian iaitu pangkal serambi, tengah serambi dan hujung serambi. Setiap serambi mempunyai fungsi dan tujuan yang berbeza iaitu pangkal serambi dikhususkan untuk pemimpin adat dan anak-anak buah berkumpul bagi tujuan musyawarah. Bahagian tengah serambi adalah sebagai tempat menyambut tetamu manakala hujung serambi dikhususkan untuk Penghulu dan Ulama. Ruang lain seperti ruang rumah ibu yang terdapat pada bahagian tengah antara serambi dan dapur pula dikhususkan untuk kaum wanita. Anak-anak perempuan yang masih dara atau belum berkahwin ditempatkan dalam ruang tersebut atau ruang loteng yang berada di bahagian atas ruang rumah ibu. Ini bertujuan memelihara maruah dan jati diri anak-anak

gadis tersebut. Dalam konteks Adat Perpatih, ruang rumah ibu disinonimkan dengan ibu soko iaitu wanita tua yang mempunyai pengaruh dalam Adat Perpatih. Berdasarkan kedudukan pada ruang tersebut, ibu soko akan duduk di tiang seri iaitu tiang utama dalam proses awal pembinaan rumah tersebut. Perkara ini sebagai lambang penghormatan dan kedudukan yang tinggi kepada ibu soko (Rosiswandy Mohd Salleh, 2017).

Setiap fungsi bahagian ruang yang terdapat dalam rumah tradisi ini merupakan asbab terhadap penyatuan kerabat yang lain yang menjadi tempat berkumpul. Penyatuan ini melibatkan sedarah sedaging atau sesuku dari nasab ibu. Malah, perkelompokan ini mewujudkan sifat bekerjasama dan bersatu dalam membentuk sebuah kesepakatan dalam kekerabatan. Sebagai contoh, mereka bersama-sama dalam melaksanakan pelbagai majlis seperti majlis perkahwinan dan adat-adat tertentu yang melibatkan musyawarah dan sepakat.

Dalam masa yang sama, penyatuan dalam mencapai kesepakatan tidak membezakan kedudukan atau status, malah mereka bersama-sama melaksanakannya. Kebersamaan tersebut tergambar dengan meletakkan ketua adat sebagai “orang arif” dalam perbincangan. Pengistilahan tersebut membawa maksud semua orang terlibat mencari kata sepakat selari dengan konsep “muafakat membawa berkat”. Konsep ini memberi manfaat kepada semua pihak tanpa mengasingkan sesiapa pun. Justeru, istilah “bersama” dijadikan konteks dalam membentuk keharmonian dalam keluarga Adat Perpatih. Seperti yang dinyatakan Ali Akbar Navis (1984) dalam petikan dibawah:

*“Yang mereka gunakan ialah istilah sama dan bersama. Jika sama dan bersama dihimpunkan semua, bukanlah menjadi satu, melainkan mereka sebut menjadi bulat.”*


Istilah “bulat” merupakan perlambangan atau *trademark* dalam membentuk sebuah permuafakatan bagi mencapai kata putus bersama. Perkara ini menjadi kemestian dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih apabila berlaku atau terjadinya pembaharuan yang akan menjalani proses permuafakat dalam mencapai kata atau kebulatan kata. Kebiasaan kebulatan atau muafakat ini dicapai bersama dalam ruangan serambi sebagai tempat termeterainya keputusan yang dipersetujui oleh pemimpin adat itu sendiri.

### **Serambi**

Serambi sinonim sebagai tempat musyawarah dalam kalangan ketua adat dan orang bawahan. Ruang itu digunakan bagi tujuan lain seperti tempat mengadakan majlis dan meraikan pasangan pengantin selepas akad nikah. Pada masa dahulu, ruang panjang ini melambangkan status seseorang dan mempunyai peranannya dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih. Seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 2, serambi terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu serambi hujung, serambi tengah dan serambi pangkal (Raja Nafida Raja Shahminan, 1999; Yaakub Idrus, 1996).



**Gambar 2: Pembahagian serambi (Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif & Kamarul Afizi Kosman, 2017)**



Serambi pangkal terletak berhampiran dengan tangga dan merupakan pintu masuk ke rumah. Ruang itu dipenuhi dengan kain tabir lelangit sebagai penghormatan kepada Buapak atau Datuk Lembaga yang hadir untuk sesi rundingan dan perbincangan. Serambi pangkal juga tempat ketua adat duduk bersama-sama dengan anak-anak buahnya bagi membincangkan hal-hal berkaitan tradisi adat atau perkara berkaitan masyarakat.

Hujung serambi dihaskan untuk Penghulu Luak atau Ulama. Bahagian ini merupakan bahagian untuk anak-anak buah menghadap Penghulu Luak atau Ulama untuk membincangkan perkara-perkara adat dan agama. Kedudukan serambi pangkal menunjukkan sikap hormat pemimpin mereka yang telah dilantik dengan persetujuan anak-anak buah (Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif & Kamarul Afizi Kosman, 2017).

Serambi tengah merupakan tempat menyambut dan meraikan tetamu yang datang ke rumah. Tetamu akan masuk ke dalam rumah dan duduk di ruang yang disediakan sementara menunggu pemiliknya melayan mereka. Seperti yang diterangkan oleh Chen, Syed Iskandar Ariffin dan Wang (2008), konsep ini menunjukkan sifat meraikan dan memberi layanan baik kepada tetamu. Oleh itu, bagi merujuk kepada konsep melayani tetamu, artikel ini menjadikan rumah Ramlah yang terdapat di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan sebagai sampel penyelidikan sejajar dengan keadah penyelidikan di samping temu bual bersama pihak penduduk setempat, penyelidik Adat Perpatih dan pengamal adat.

## Metodologi

### Kajian Lapangan: Rumah Ramlah di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan

Bagi mencapai tujuan penyelidikan ini, rumah Ramlah merupakan antara rumah yang terdapat dalam sampel penyelidikan yang berkait rapat dengan konteks meraikan tetamu. Turut kelihatan ialah kedudukan buah buton yang tergantung di bahagian rumah tangga iaitu antara struktur binaan yang berdekatan dengan ruang tengah serambi.

Sejarah rumah ini berhubungkait dengan bangsawan adat yang dikenali sebagai Orang Kaya Bongsu Tok Angkai Latih. Ini mengukuhkan dapatan pertama bahawa buah buton berkait rapat dengan mereka yang berpengaruh dalam adat. Walau bagaimanapun, kedudukan buah buton yang ada pada rumah ini adalah berbeza dengan rumah-rumah tradisional yang dimiliki oleh pemimpin adat. Pada kebiasaannya, buah buton

merujuk kepada sampel-sampel penyelidikan terdahulu berada pada posisi tergantung di dalam atau luar serambi dan ada juga tergantung dalam ruangan rumah ibu. Bagi rumah Ramlah, terdapat empat buah buton tergantung di rumah tangga rumah tersebut. Kedudukan buah buton tergantung di dua kiri dan kanan tangga yang mendampingi tangga ke pintu masuk utama rumah. Ini bermaksud kedudukan keempat-empat buah buton tergantung dari permukaan tanah. Bagi tujuan perbandingan setiap buah buton, penyelidik-penyelidik menamakan setiap buah buton yang ada pada rumah ini sempena nama pemilik rumah, iaitu Ramlah. Setiap Ramlah ini turut dinomborkan.


**Gambar 3: Rumah Ramlah serta bulatan merah yang menunjukkan kedudukan keempat-empat buah buton yang tergantung di rumah tangga**



**Gambar 4: Dua daripada empat Ramlah (Ramlah 2 dan Ramlah 4) yang tergantung selari depan dan belakang**



**Gambar 5: Lakaran menunjukkan kedudukan Ramlah yang tergantung pada struktur rumah tangga**



**Gambar 6: Rekaan Ramlah 1 (kiri) dan Ramlah 2 (kanan) yang berbeza**



**Gambar 6: Ramlah 3 dan Ramlah 4 mempunyai rekaan yang sama**



**Temu Bual: Kaitan Buah Buton dengan Meraikan Tetamu Berdasarkan Sistem Adat Perpatih**

Antara dapatan yang boleh menyokong objektif kajian ini adalah kaedah temu bual yang melibatkan penduduk tempatan dan penyelidik Adat Perpatih. Pemilihan kategori tersebut adalah selari dengan soalan yang diajukan yang melibatkan pandangan visual, falsafah buah buton dan struktur rumah tangga tersebut. Setiap aspek soalan itu melibatkan kaitannya buah buton dengan konteks masyarakat Adat Perpatih; yang mana setiap informan menyatakan rumah tangga merupakan struktur yang sangat rapat dengan istilah tetamu. Berdasarkan setiap kategori ini, seramai tiga orang informan diketengahkan memandangkan kenyataan yang dikeluarkan menjawab setiap persoalan yang diajukan. Walau bagaimanapun, kategori waris tidak disenaraikan dalam artikel ini. Sebaliknya, latar belakang rumah tersebut berpandukan pada kenyataan waris yang turut menyokong dapatan kajian ini. Dari sudut mengaitkan buah buton dengan konteks tetamu, tiada dapatan yang diperolehi daripada waris. Jadual 1 merupakan senarai informan serta kategori dan jawapan yang diberikan berdasarkan aspek-aspek soalan yang diajukan.

**Jadual 1: Senarai informan serta kategori dan jawapan**

Kategori	Informan	Jawapan
Penduduk Setempat	Abdul Syukor Daud	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Buah buton khusus untuk pemimpin adat dan golongan bangsawan.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kehadiran buah buton di rumah-rumah tradisional sebagai lambang status mereka.</li> <li>● Kedudukan buah buton berbeza mengikut tempat dan dikaitkan dengan tujuan tempat tergantungnya buah buton.</li> <li>● Reka bentuk buah buton itu dihasilkan berdasarkan tiga prinsip iaitu tauhid, fiqh dan usul yang menjadi asas rekaan buah buton.</li> <li>● Oleh itu, kaitan rekaan dan kedudukan buah buton mempunyai falsafah dan makna di sebaliknya.</li> <li>● Sebagai contoh, buah buton yang tergantung di bahagian rumah tangga berkait rapat dengan meraikan tetamu.</li> <li>● Jenis-jenis tangga rumah perlu juga diteliti.</li> <li>● Tangga rumah mempunyai dua jenis rekaan iaitu pelantar dan tanpa pelantar.</li> <li>● Rumah tangga yang mempunyai pelantar terdapat di sekitar Kampung Gachong, Kuala Pilah.</li> <li>● Sesetengah tangga rumah yang mempunyai pelantar mempunyai tempat duduk. Ada juga yang tiada tempat duduk, hanya bersila atas pelantar sahaja.</li> <li>● Setiap fungsi ini bertujuan menghormati kehadiran tetamu.</li> <li>● Selain itu, tangga rumah sebagai tempat “tapisan”, iaitu tempat tuan rumah mengenal pasti tetamu yang hadir.</li> <li>● Seandainya tetamu berniat jahat, maka di ruang tangga rumah menjadi tempat perbincangan.</li> <li>● Begitu juga jika tetamu yang hair dengan niat baik, tetamu tersebut akan dibawa masuk ke dalam rumah dan duduk di bahagian tengah serambi.</li> <li>● Tujuannya adalah untuk mengenalpasti secara beradab latar belakang tetamu yang hadir.</li> <li>● Adab seseorang individu turut mempengaruhi sukunya sekali.</li> <li>● Kerana itu perlu bersikap baik dan menunjukkan tauladan yang boleh dicontohi oleh masyarakat</li> </ul>
<p>Penyelidik Adat Perpatih</p>	<p>Mohd Rosli Saludin</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Buah buton menjadi peringatan kepada pemilik rumah iaitu pemimpin adat atau orang-orang istana.</li> <li>● Buah buton direka berdasarkan falsafah “tungku tiga sejerangan” yang melibatkan hubungan manusia dengan tuhan, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam.</li> <li>● Setiap hubungan tersebut berpandukan kepada konteks alam yang membentuk dan melambangkan perwatakan seseorang.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>● Buah buton ditujukan kepada pemimpin adat atau orang-orang yang mempunyai status.</li> <li>● Dalam masa sama, buah buton itu sendiri sebagai penggerak kepada sistem Adat Perpatih itu sendiri.</li> <li>● Buah buton mempunyai dua fungsi iaitu sebagai peringatan dan penggerak yang menggambarkan perwatakan positif dan nilai-nilai murni yang mampu memberi pengaruh kepada masyarakat sekelilingnya.</li> <li>● Dari sudut kedudukan buah buton di tangga rumah merujuk kepada sifat tuan rumah yang meraikan tetamu yang hadir.</li> <li>● Ada sesetengah tuan rumah menjadikannya sebagai tempat berbual dengan tetamu.</li> <li>● Lebih manis dan sopan sekiranya tetamu dijemput duduk di ruang serambi.</li> <li>● Walau bagaimanapun, rumah tangga itu lebih menekankan soal adab dalam melayani tetamu.</li> <li>● Adab diselarikan dengan buah buton yang tergantung di sisi kanan dan kiri rumah tangga tersebut.</li> </ul>
<p>Pengamal Adat (informan tersebut berkepakaran dengan adat dari Minangkabau)</p>	<p>Ricky Syahrul</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Buah buton dibina berdasarkan Limbago Adat, iaitu menjadikan aspek akal sebagai pembentukan subjek tersebut.</li> <li>● Jika di Minangkabau, buah buton dinamakan buah bodi.</li> <li>● Mempunyai falsafah dan tujuan yang sama yang mana pembentukan buah buton itu sebagai lambang kepada pemimpin adat.</li> <li>● Ini kerana seorang pemimpin perlu bersifat adil dan bijak dalam menyatakan pendirian yang tidak bersifat peribadi.</li> <li>● Begitu juga dalam meraikan tetamu.</li> <li>● Ini kerana sikap yang ada pada diri seorang pemimpin tidak boleh sombong dan angkuh dengan kedudukan sehingga mengabaikan tetamu yang hadir.</li> <li>● Kerana itu perlu adanya sifat toleransi terhadap tetamu.</li> </ul>

### Keputusan dan Perbincangan

Buah buton secara realitinya sebagai perlambangan kepada pemiliknya. Ini diperkuatkan lagi dengan kedudukan buah buton yang tergantung pada bahagian tertentu yang khusus untuk mereka yang mempunyai status dalam Adat Perpatih. Walau bagaimanapun, ianya berbeza dengan buah buton yang ada pada rumah Ramlah yang mana buah buton tersebut berada di rumah tangga (atau tangga rumah?) Kelainan

tersebut tidak keluar dari konteks sebenar buah buton yang melambangkan latar belakang pemilik rumah tersebut yang merupakan orang kaya dan mempunyai gelar dari istana. Daripada sudut korelasi, buah buton pada rumah ini menekankan falsafah berkaitan adab dan sopan. Dapat dinyatakan di sini bahawa status pemilik dan perwatakannya mempunyai kaitan antara satu sama lain. Perkaitan itu pula selari dengan falsafah buah buton yang membicarakan hubungan manusia dengan manusia dan meletakkan diri si pemilik sebagai seorang yang patuh dengan ajaran agama Islam.

Dalam Adat Perpatih, masyarakatnya sangat menekankan aspek kekeluargaan. Melalui sistem ini juga, nilai-nilai seperti timbang rasa, tolong-menolong, persefahaman, setia, hormat menghormati dan kejujuran disemai dalam diri ahlinya. Kehadiran tetamu perlu dilayan dengan mesra dan sopan. Ini kerana sikap seseorang itu merupakan lambang kepada suku mereka. Ini jelas bahawa perwatakan seseorang sangat dititikberatkan dalam Adat Perpatih. Hamka dalam bukunya berjudul “Sebuah Karya Hamka: Falsafah Kehidupan” (2017), menjelaskan perilaku dan perwatakan manusia sesama manusia berpandukan kepada pergerakan yang merujuk kepada adab dan penghormatan. Berikut merupakan petikan daripada penulisan Hamka:

*“Jangan menaikkan jari kiri ketika berbicara, jangan duduk bertongkat ruang (menaikkan lutut sebelah) dekat orang yang lebih tua. Hendaklah berdiri seketika ada orang tua masuk, dan berdiri pula sambil menghantarnya keluar, seketika prang tua itu akan pergi. Jikalau makan bersama-sama dengan tetamu, janganlah lebih dahulu membasuh tangan, walaupun perut telah kenyang. Jikalau merasa hendak mendahului juga membasuh tangan, minta izinlah, tetapi siramkan air di tempat cuci tangan itu ke piring sendiri, sehingga lebihnya tetap bersih. Jikalau makan bersenduk dan bergapu, jangan sampai kedengaran ‘sepak-sintungnya’ dia atas piring. Jikalau meminum air di gelas, janganlah sekali teguk sahaja. Jangan sendawa (membuang anging atau betahak) sehingga kedengaran suara kerasnya didalam alat jamu. Jikalau meminum air panas yang cangkirnya diberi bertadah atau bertatahkan, janganlah minum yang ditadah itu, melainkan tunggu sampai dingin dengan sabar. Jangan meletakkan kopiah di atas lutut. Jikalau bertamu ke rumah seorang teman, jangan mata diperliar. Perempuan tidak boleh tertawa nyaring”.*

Hamka turut menerangkan perilaku dan perwatakan Penghulu khususnya di Minangkabau yang mana mereka perlu memiliki perasaan merendah diri dan tidak mendongak dagu dengan masyarakat sekelilingnya. Seperti disebut oleh Hamka dalam petikan di bawah:

*“Di Minangkabau di bahagi pula kesopanan penghulu. Tidak boleh berlari di jalan raya, walaupun basah kuyup oleh hujan. Tidak boleh menanggalkan kopiah, tidak boleh memanjat pohon, tidak boleh menyinsinkan lengan baju, tidak boleh menyinsingkan kaki celana, tidak boleh berkata keras dan sebagainya.”*

Jelas menunjukkan di sini bahawa perkataan “bergaul” menjadi kunci utama dalam kehidupan manusia iaitu hubungkait antara satu sama lain. Sama halnya hubungan manusia dengan alam yang amat rapat dan menjadi peneman serta guru buat manusia. Perkara ini dilihat kepada khalifah alam yang berbeza berpandukan pada ciri-ciri ciptaan Tuhan ini. Ali Akbar Navis (1984) turut menyebut bahawa setiap alam itu mempunyai fungsi yang tersendiri dan melaluinya juga menjadi rujukan manusia. Seperti dinyatakan pada petikan di bawah tentang perilaku alam:

*“Api dengan panasnya, air dengan basahnya, angin dengan hembusannya dan tanah dengan padatnya mempunyai fungsi atau peran yang berbeda.”*

Begitu juga dengan masyarakat Adat Perpatih yang saling memerlukan antara satu sama lain. Dalam adat, ianya disebut sekata. Tiada perbandingan antara satu sama lain (Mohd Rosli Saludin, 2004). Maka, tidak perlu ada sifat sombong atau pentingkan diri dalam perwatakan manusia itu sendiri. Dinyatakan juga dalam falsafah awan larat oleh Mohd Sabrizaa Abd. Rashid (2008) yang amat sinonim dengan kebudayaan Melayu, iaitu:

*Tumbuh hendaklah berpunca,  
Punca itu rahsia,  
Tajam tidak menerjah lawan,  
Lilit tidak memeluk lawan,  
Tetapi berlegar mesra.*

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa sifat alam digunakan dalam komunikasi sebagai metafora kepada perwatakan orang Melayu agar tidak mendabik dada atau sombong dengan keadaan diri. Seperti baris ayat “tetapi berlegar mesra” memberi maksud tentang penghormatan diri terhadap masyarakat sekeliling.

Dalam Adat Perpatih, kehidupan setiap individu itu bermula dari masyarakat, keluarga atau perut. Tanpa kehadiran mereka, mana mungkin mereka akan memperoleh apa yang ada pada diri mereka seperti rumah, pekerjaan, pertanian dan ternakan. Walaupun sesetengah aspek seperti pekerjaan menggunakan kudrat individu, itu tidak bererti bahawa tidak ada masyarakat sekelilingnya. Ali Akbar Navis (1984) menyatakan bahawa kedudukan individu pasti berbeza dengan individu lain disebabkan kerja keras mereka. Tetapi, untuk mencapai kedudukan itu pasti akan melibatkan masyarakat atau orang sekelilingnya. Sebagai contoh untuk menjadi wakil rakyat, seseorang tidak akan dilantik sebagai wakil untuk rakyatnya jika tidak dipilih oleh masyarakat di kawasan tersebut melalui proses pilihan raya. Ini menunjukkan bahawa setiap perkara yang kita lakukan pasti memerlukan manusia atau orang lain untuk memperoleh sesuatu hal. Sama halnya dengan penyerahan tanah kepada waris perempuan dalam Adat Perpatih. Jurai keturunan berdasarkan nasab ibu untuk permilikan hartanah adat ini tidak akan berterusan jika tidak dilepaskan kepada waris yang seterusnya (Wan Nur A’ina Mardhiah Wan Rushdan et al., 2021). Jika dirujuk kepada konteks alam, “dibutuhkan angin untuk menghembus bara api agar menyala untuk memanaskan air supaya buah tanah menjadi masak”. Oleh itu, manusia saling memerlukan antara satu sama lain bagi mencapai matlamatnya seperti mana yang ditekankan dalam Adat Perpatih.

Oleh itu, reka bentuk buah buton menjadi penanda aras dalam memastikan kedudukannya berkait rapat dengan falsafah rekaan subjek tersebut. Kedudukan buah buton pada sesuatu tempat membawa pengertian terhadap sifat dan perwatakan seseorang pemimpin kepada masyarakatnya. Seperti rumah Ramlah, kedudukan buah buton berada di rumah tangga yang seakan-akan pemiliknya iaitu pemimpin adat atau bangsawan mengalu-alukan kedatangan tetamu. Ini menunjukkan sifat dan sikap si pemilik rumah tersebut yang tidak sombong dan beradab ketika menerima kedatangan tetamu. Adab justeru menjadi keutamaan dalam menunjukkan kepimpinan melalui tauladan. Walaupun buah buton berada di bahagian tangga, tetapi adab dan perilaku menjadi keutamaan pemiliknya.



## Kesimpulan

Buah buton menjadi identiti kekuatan terhadap penyatuan masyarakat dalam Adat Perpatih. Kekuatan tersebut menyerlahkan lagi sistemnya yang menekankan permuafakatan yang menjadi keutamaan dalam pelaksanaan sesuatu perkara. Konsep tersebut memperlihatkan kelompok pemimpin dan masyarakat menjadi rapat seperti “bagai aur dengan tebing”. Dalam konteks kejiranan juga, aspek adab dan sopan ditekankan. Adat Perpatih yang beralurkan ajaran Islam mengajar pengamalinya untuk sentiasa merendah diri dan tidak meletakkan diri sebagai seorang yang ego walaupun diri kita sebagai seorang pemimpin. Oleh itu, menjadi satu kepentingan dalam sistem pendidikan kini untuk meletakkan asas perwatakan positif sebagai satu sumber dalam silibus pendidikan negara untuk melahirkan generasi yang berkaliber. Sekadar pendidikan Sivik sahaja tidak mencukupi seandainya amalan positif tidak dipraktikkan dalam kalangan pendidik juga. Jika dilihat dari sudut visual, buah buton bukan sekadar dijadikan penghiasan tetapi sebagai peringatan kepada semua pihak. Penyelidik-penyelidik kajian ini mencadangkan agar buah buton dijadikan sebagai elemen hiasan yang berilmiah yang menyentuh aspek perwatakan yang baik. Ini kerana selain rumah, sekolah juga menjadi tempat permulaan awal dalam kalangan generasi muda untuk mengorak diri mereka ke alam dewasa.

## Rujukan

- Abdul Halim Nasir. (2016). *Ukiran kayu Melayu Tradisi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainul Wahida Radzuan. (2021). Suku as Self-Representation for the Adat Perpatih Community in Negeri Sembilan, Malaysia. *Palarch's Journal of Archeology of Egypt / Egyptology*, 18 (4): 6853 – 6864.
- Ali Akbar Navis. (1984). *Alam Berkembang Jadi Guru: Adat dan Kebudayaan Minangkabau*. PT Pustaka Grafitipers.
- Anonymous. (2017). *Sebuah Karya Hamka: Falsafah Kehidupan*. Publishing House Sendirian Berhad.
- Badrul Hisham Ghazali. (2022). Wasilah Teromba Dalam Kepimpinan Adat Perpatih. *Jurnal Tuah*, 3 (1): 110 – 120.
- Chen, Y., Syed Iskandar Ariffin & Wang, M. (2008). The Typological Rule System of Malay Houses in Peninsula Malaysia. *Journal of Asian Architecture and Building Engineering*, 7(2),247–254.
- Fakhrur Razi Maamor, Sabzali Musa Kahn & Basitah Taif. (2022). Buah Buton Di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan: Hubung Kait Konteks Agama Dengan Masyarakat Adat Perpatih. *Jurnal Melayu Sedunia*, 5 (1): 1 – 18.
- Fakhrur Razi Maamor. (2020). *Buah Buton at Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan. The Interrelation of Cultural Context with Adat Perpatih's Community* [Master's Dissertation]. MARA University of Technology.
- Fakhrur Razi Maamor & Basitah Taif. (2019). Visual Analysis on Buah Button in Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan As Social Organization Symbol In Adat Perpatih Society. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3 (2): 229 - 243.
- Hendun Abd Rahman Shah, Adzidah Yaakob; Suraiya Osman, et al. (2017). Dinamika Undang-undang Tanah Adat di Negeri Sembilan: Kajian Perkembangan dan Isu Undang-undang. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5(Special): 1 – 12.
- Hesmondalgh, D. & Saha, A. (2013). Race, Ethnicity, and Cultural Production. *Popular Communication*, 11 (3): 179 – 195.
- Juliana Adlin Ahmad, Arbai'yah Ab Aziz & Mohamad Kamal Abd Aziz. (2022). A Study of Woodcarving Motifs on Traditional Malay Houses in Kuala Pilah, Negeri Sembilan. *International Journal of Art & Design (IJAD)*, 6 (1): 1-11.
- G20 Bali Leaders' Declaration at Bali Indonesia (2022, November 16). G20 Indonesia. [https://www.g20.org/content/dam/gtwenty/gtwenty\\_new/about\\_g20/previous-summit\\_documents/2022bali/G20%20Bali%20Leaders%27%20Declaration,%201516%20November%202022.pdf](https://www.g20.org/content/dam/gtwenty/gtwenty_new/about_g20/previous-summit_documents/2022bali/G20%20Bali%20Leaders%27%20Declaration,%201516%20November%202022.pdf)
- Muhammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman & Norsimah Mat Awal. (2017). A Stylistic Analysis of Parallelism in Customary Sayings. *Akademika*, 87 (1): 279 – 290.
- Mohamad Hanif Abdul Wahab & Azizi Bahauddin. (2019). The Spatial Organization of the Negeri Sembilan Traditional House, Malaysia. *Journal of Comparative Cultural Studies in Architecture*, 12 (2019): 21 – 28.

- Mohamad Luthfi Abdul Rahman & Muhammad Fakhri Jafrey. (2021). Teromba in the Context of Customs, Nature Elements and the Sustainability Challenges. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(2): 800-812.
- Mohd Rosli Saludin, Nor S. Azima Ismail & Nor Azean Razali. (2020). Management of The Adat Perpatihmatriarchy In Negeri Sembilan. *International Journal of Management (IJM)*, 11 (12): 1527 – 1536.
- Mohd Rosli Saludin. (2009). *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd..
- Mohd Sabrizaa Abd Rashid. (2008). *Penafsiran Falsafah “Ibu” Dalam Awan Larat: Warisan Estetika Seni Ukiran Melayu* [Paper Presentation]. Seminar Antarabangsa Pemandiran Budaya Tamadun Timur Laut, Universiti Teknologi MARA. [https://vdocuments.mx/te sis-ukiran.html](https://vdocuments.mx/te-sis-ukiran.html)
- Mualimin Mochammad Sahid, Mohammad Chaedar, Baidar Mohammed Mohammed Hasan, Fettane Amar. (2021). Leadership System of Adat Perpatih In Malaysia As A Model of Consensus and Democracy Concept: An Analytical Study. *Psychology and Education Journal*, 58 (3): 1187-1194.
- Noor Hayati Ismail, Shahrul Kamil Yunus & Mastor Surat. (2016). Reka Bentuk Rumah Tradisional Negeri Sembilan Dipengaruhi oleh Adat dan Kedaerahan. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 15 (2016): 113-136.
- Norhalim Ibrahim. (1988). Some Observations on Adat and Adat Leadership in Rembau, Negeri Sembilan. *Southeast Asian Studies*, 26 (2): 150 – 165.
- Nur Atiqah Abdullah, Fatimah Omar, Nik Mutasim Nik Ab Rahman & Khairul Akmaliah Adham. (2010). Hubungan Psikologi Positif dengan Potensi Modal Insan dan Kreativiti Organisasi Mengikut Perspektif Barat dan Islam. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 24 (2010): 79 – 98.
- Rachman, S. M. & Rahman, F. (2017). The Dynamic of Malay Islamic Law: The Rise and Practices of Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah in Jambi. *Journal of Indonesian Islam*, 11 (2): 289 – 404.
- Raja Nafida Raja Shahminan. (1999). *Evolusi Senibina Balai Adat di Negeri Sembilan* [Master’s dissertation]. University of Malaya.
- Rosiswandy Mohd Salleh. (2017, Mei 25). *Sejarah Pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan*.<http://www.jmm.gov.my/files/ORIGINAL%20NOTA%20SEJARAH%20PENGAMALAN%20ADAT%20PERPATIH%20DI%20NEGERI%20SEMBILAN%20PDF>.
- Shamsidar Ahmad, Mohamed Yusoff Abbas, Mohd. Zafrullah Mohd. Taib & Mawar Masri. (2014). Wall Carving Decoration and Motifs Influences Spatial Social Interaction: Is it Intentional or Accidental?. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 1 (2014): 1 – 13.
- Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif & Kamarul Afizi Kosman. (2017). The Serambi Of Negeri Sembilan Traditional Malay House As a Multifungsional Space – Role In Custom (Adat). *Journal of Design and Built Environment*, 17 (2): 37 – 50.
- Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif & Kamarul Afizi Kosman. (2020). Pengaruh Adat Perpatih Terhadap Konsep Ruang Serambi Rumah Tradisional Melayu di Negeri Sembilan. *Journal Online Jaringan COT POLIPD (JOJAPS)*, 18 (11): 88 – 93.
- Spurgas, A. K. (2005). Body Image and Cultural Background. *Sociological Inquiry*, 75 (3): 297 - 316

Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan, Mohd Zamro Muda & Zuliza Mohd Kusrin. (2021). Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu Kajian Literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(2): 55 – 64.

Yaakub Idrus. (1996). *Rumah Tradisional Negeri Sembilan: Satu Analisis Seni Bina Melayu*. Fajar Bakti.